

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
[ PADANG BESAR ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- a) apakah status terkini pembinaan Hospital Padang Besar yang telah pun diluluskan bajetnya dalam RMK-11; dan
- b) adakah proses tender dan pemilihan kontraktor telah pun diselesaikan.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum tentang cadangan pembinaan Hospital Padang Besar, Perlis berkapasiti 108 katil dengan anggaran kos sebanyak RM200 juta. Walau bagaimanapun, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) melalui surat bertarikh 24 Oktober 2018 telah memaklumkan kepada KKM bahawa projek pembinaan Hospital Padang Besar, Perlis telah dibatalkan oleh Kerajaan. Cadangan pembinaan projek Hospital Padang Besar, Perlis ini mungkin boleh dipertimbangkan pada masa akan datang berdasarkan keutamaan projek dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.